



GARIS PANDUAN LESEN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

1. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang-barang di kaki lima.
2. Dilarang menimbulkan kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.
3. Dilarang membiarkan binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
4. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MPKj.
5. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan.
6. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar bangunan / premis.
7. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan / premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
8. Menyediakan kotak 'First-Aid' yang lengkap dan ditempatkan dibahagian yang bersesuaian.
9. Mengibarkan / mempamerkan bendera negeri / kebangsaan di premis.
10. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah, bertukar / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang di keluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
12. Mematuhi syarat-syarat yang di keluarkan oleh Jabatan Teknikal yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan.
13. Dilarang melepaskan sebarang 'effluen' / bahan berjadual ke dalam longkang tanpa dineutralkan terlebih dahulu.
14. Membuat landskap yang bersesuaian di sekitar premis.
15. Memaklumkan sebarang pertambahan pengeluaran kilang / bangunan kepada MPKj.
16. Memastikan pengendalian makanan bagi kantin mematuhi lampiran 2.
17. Para pekerja hendaklah dibekalkan dengan alat pelindung yang sesuai seperti 'Ear Plug' dan penutup hidung.
18. 'Thinner' dan lain-lain bahan kimia hendaklah disimpan berasingan daripada bahan-bahan lain.



19. Mana-mana kedai serbaneka yang beroperasi di kawasan majoriti penduduk Islam TIDAK dibenarkan menjual apa-apa minuman yang dikategorikan sebagai *beer*/arak.
20. Pemohon boleh memohon untuk tempoh sah laku lesen 1 hingga 3 tahun.